



KEMENTERIAN DALAM NEGERI PERMOHONAN UNTUK MENGGISI JAWATAN KOSONG

Jika anda adalah seorang warganegara Malaysia yang berkelayakan anda adalah dipelawa memohon Jawatan- jawatan berikut:-

- A. Jawatan** : **TUKANG K2**
- Kumpulan Perkhidmatan : Sokongan
Klasifikasi Perkhidmatan : Mahir/ Separuh Mahir/ Tidak Mahir
Gred : R11
Jadual Gaji : P1T1 RM 892.54 – P1T15 RM 1647.28
P2T1 RM 948.08 – P2T15 RM 1725.64
P3T1 RM 1005.25 – P3T15 RM 1805.63
- Syarat Lantikan : Calon – calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
- (a) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (b) (i) tamat tingkatan tiga sekolah menengah rendah bantuan penuh kerajaan; atau
(ii) pekerja-pekerja dalam perkhidmatan Pekerja Awam, Pekerja Awam Khas, Pemandu Kenderaan, Operator Loji dan Pemandu/Operator Jentera Pemunggah yang telah disahkan dalam perkhidmatan;
 - (c) (i) mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia Peringkat Pertengahan/Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang pertukangan yang berkenaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
(ii) lulus Ujian Kemahiran dalam bidang ketukangan berkenaan (sama ada yang mempunyai atau tidak mempunyai piawaian MLVK) yang dijalankan atau diperaku oleh ketua perkhidmatan sebagai setaraf dengan Sijil Kemahiran Malaysia Peringkat Pertengahan/Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2;
- dan (d) berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.
- Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan : Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Tukang K3 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Tukang K2 Gred R11 tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah disahkan dalam perkhidmatan di perenggan (c) di atas dan berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.
- Penaklukan di bawah Skim Perkhidmatan : Pegawai yang memasuki Perkhidmatan Tukang K2 adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan

yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari masa ke semasa.

Deskripsi Tugas : Bertanggungjawab dalam tugas – tugas pemeriksaan dan pembaikan lampu – lampu di dalam dan luar bangunan pejabat, menjalankan ujian – ujian pemasangan sambungan dan penutupan, pemeriksaan ke atas jentera, membaiki pendawaian yang rosak, membaiki kerosakan kecil sistem paip dan perabot – perabot, memeriksa dan menyelenggara keadaan bilik air dan peralatannya supaya sentiasa dalam keadaan baik.

B. Jawatan : **TUKANG K3**
Kumpulan Perkhidmatan : Sokongan
Klasifikasi Perkhidmatan : Mahir/ Separuh Mahir/ Tidak Mahir
Gred : R9
Jadual Gaji : P1T1 RM 721.02 – P1T21 RM 1626.04
P2T1 RM 763.49 – P2T21 RM 1709.28
P3T1 RM 807.59 – P3T21 RM 1794.23

Syarat Lantikan : Calon – calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

(a) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(b) (i) tamat tingkatan tiga sekolah menengah rendah bantuan penuh kerajaan; atau

(ii) pekerja-pekerja dalam perkhidmatan Pekerja Awam, Pekerja Awam Khas, Pemandu Kenderaan, Operator Loji dan Pemandu/Operator Jentera Pemunggah yang telah disahkan dalam perkhidmatan;

(c) (i) mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia Peringkat Pertengahan/Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang pertukangan yang berkenaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau

(ii) lulus Ujian Kemahiran dalam bidang ketukangan berkenaan (sama ada yang mempunyai atau tidak mempunyai piawaian MLVK) yang dijalankan atau diperaku oleh ketua perkhidmatan sebagai setaraf dengan Sijil Kemahiran Malaysia Peringkat Pertengahan/Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2;

(Gaji permulaan ialah pada Gred R9 : P1T2);

dan (d) berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.

Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan : Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Tukang K3 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Tukang K2 Gred R11 tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah disahkan dalam perkhidmatan di perenggan (c) di atas dan berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

Penaklukan di bawah Skim Perkhidmatan	:	Pegawai yang memasuki Perkhidmatan Tukang K3 adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari masa ke semasa
Deskripsi Tugas	:	Bertanggungjawab dalam tugas – tugas pemeriksaan dan pembaikan lampu – lampu di dalam dan luar bangunan pejabat, menjalankan ujian – ujian pemasangan sambungan dan penutupan, pemeriksaan ke atas jentera, membaiki pendawaian yang rosak, membaiki kerosakan kecil sistem paip dan perabot – perabot, memeriksa dan menyelenggara keadaan bilik air dan peralatannya supaya sentiasa dalam keadaan baik.
C. Jawatan	:	TUKANG MASAK
Kumpulan Perkhidmatan	:	Sokongan
Klasifikasi Perkhidmatan	:	Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan
Gred	:	N1
Jadual Gaji	:	P1T1 RM 649.15 - P1T22 RM 1506.79 P2T1 RM 691.62 - P2T22 RM 1583.49 P3T1 RM 735.72 - P3T22 RM 1661.82
Syarat Lantikan	:	Calon – calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:- <ul style="list-style-type: none"> (a) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; (b) (i) berpelajaran di peringkat sekolah rendah bantuan penuh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta mempunyai pengalaman dalam bidang masak-memasak; dan <ul style="list-style-type: none"> (ii) boleh bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.
Penaklukan di bawah Syarat Syarat Skim Perkhidmatan	:	Pegawai yang memasuki Perkhidmatan Tukang Masak adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari masa ke semasa.
Deskripsi Tugas	:	Memeriksa senarai tempahan harian dan mengenal pasti menu yang telah ditetapkan, memastikan peralatan masakan adalah mencukupi dan selamat digunakan, mengambil bahan – bahan masakan yang diperlukan dari stor mengikut menu yang telah ditetapkan, memasak, menyajikan makanan dan minuman mengikut waktu yang telah ditetapkan dan keperluan semasa, menyediakan menu pagi dan petang, membersihkan semua peralatan memasak, peralatan sajian dan menyimpannya di tempat yang selamat, memastikan kebersihan dan keselamatan dapur serta menutup suis, lampu, gas, pintu dan tingkat sebelum meninggalkan dapur. Lain – lain tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

D. Cara Memohon

- (i) Hanya permohonan online sahaja akan diterima. Permohonan boleh dibuat melalui laman web <http://www.jobmalaysia.gov.my>.
- (ii) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- (iii) Calon dikehendaki membawa dokumen asal dan salinan yang telah disahkan serta gambar berukuran pasport semasa temuduga.
- (iv) Segala kos berkaitan dengan permohonan dan temuduga jawatan tersebut adalah tanggungjawab calon.
- (v) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup permohonan dianggap tidak berjaya.
- (vi) Tarikh tutup permohonan : **17 April 2009 (Jumaat)**